



BENGKEL ROBOTIK ANJURAN ALUMNI UKM SARAWAK

Pusat Khidmat ADUN N.27 Sebuyau dan alumni UKM Sarawak telah menganjurkan Kursus Robotik selama 15 hari yang berakhir pada 20 Julai 2019. Kursus ini diadakan dengan kerjasama Majlis Guru Besar dan Pengetua Zon Sebuyau dan Sebangon. Seramai 72 orang pelajar sekolah dan 28 orang guru dari 19 buah sekolah rendah serta sebuah sekolah menengah (SMK Sebuyau) telah menyertai kursus ini. Menurut Encik Adenan Bukra, wakil alumni UKM Sarawak, kursus jangka pendek pengaturcaraan robot seumpama ini adalah yang pertama kali dilaksanakan untuk pelajar-pelajar sekolah rendah di Sarawak. Majoriti peserta yang dipilih oleh pihak sekolah masing-masing adalah dari kalangan pelajar-pelajar kaum Melayu dan Iban. Selama 5 hari, peserta dan guru-guru telah dilatih dalam kursus ini. Presiden alumni UKM Sarawak, YB Datuk Julaihi Haji Narawi amat teruja dengan pencapaian pelajar-pelajar luar bandar ini dan beliau berhasrat untuk mengembangkan lagi program STEM sebegini dengan penganjuran pertandingan robotik di peringkat negeri. Ujar beliau lagi, pendedahan awal kepada robotik dapat melahirkan ramai jurutera-jurutera yang mahir di masa hadapan.

SELANJUTNYA ➔



KEJOHANAN BOLA TAMPAR ALUMNI VETERAN UNIVERSITI AWAM 2019 (AVUA'19)

Pada 17 Ogos 2019, Pusat Perhubungan Alumni UKM (ALUMNI-UKM) telah berjaya menganjurkan buat kali kedua Kejohanan Bola Tampar Alumni Veteran Antara Universiti Awam Malaysia 2019 (AVUA'19). Kejohanan ini telah berlangsung di Dewan Gemilang UKM Bangi. Penganjuran kali kedua ini telah berjaya menarik penyertaan daripada 11 buah pasukan berbanding siri yang pertama iaitu 7 pasukan sahaja. Perbezaan kejohanan tahun ini berbanding siri lepas adalah kali ini terdapat dua kategori iaitu Senior dan Master. Pasukan yang terlibat terdiri daripada pasukan dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia. Johan AVUA'19 bagi kategori Master telah berjaya diraih oleh pasukan dari Universiti Teknologi MARA dan tempat kedua pula dimenangi oleh pasukan Universiti Utara Malaysia. Bagi kategori Senior pula, Johan AVUA'19 berjaya disandang oleh pasukan dari Universiti Teknologi MARA manakala tempat kedua dimenangi oleh pasukan Universiti Sains Malaysia. AVUA'19 siri kedua ini telah mendapat maklum balas dan sambutan yang sangat baik. Selain menjadi medium untuk merapatkan hubungan antara alumni universiti awam, AVUA'19 juga berjaya mencapai objektifnya untuk memastikan alumni aktif bersukan dan bersenam.

SELANJUTNYA ➔



PERJUMPAAN ALUMNI KAUNSELOR RAKAN SEBAYA UKM

Pada 17 Ogos 2019 telah diadakan Perjumpaan Alumni Kaunselor Rakan Sebaya UKM di Hotel Puri Pujangga UKM. Seramai 10 orang alumni yang hadir. Mereka ini adalah kumpulan pelajar pertama dilantik sebagai Kaunselor Rakan Sebaya dahulu. Tugas mereka ketika itu ialah membantu memberikan khidmat kaunseling kepada rakan-rakan pelajar yang mempunyai masalah sama ada mengenai pelajaran, kewangan dan sebagainya. Pelbagai kisah-kisah suka duka yang mereka kongsi ketika menjadi Kaunselor Rakan Sebaya. Mereka juga menyatakan hasrat kepada Pusat Perhubungan Alumni UKM bahawa mereka ingin membantu dan menyumbang semula kepada UKM yang mereka cintai. Jasa baik mereka sebagai Kaunselor Rakan Sebaya yang banyak membantu pelajar-pelajar ketika itu tidak akan dilupakan. Terima kasih kerana menjemput Pusat Perhubungan Alumni UKM (ALUMNI-UKM).

SELANJUTNYA ➔



ALUMNI PULANG KE FAKULTI SEMPENA MINGGU MESRA MAHASISWA UKM 2019/2020

Pelajar baharu UKM telah pun mendaftar dan Minggu Mesra Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia Sesi Akademik 2019/2020 telah berjalan dengan jayanya bermula 2 September hingga 6 September 2019. Semasa MMM dilaksanakan, beberapa fakulti telah menjemput alumni UKM dari fakulti-fakulti tersebut untuk berkongsi pengalaman, ilmu serta memberi inspirasi dan motivasi kepada pelajar – pelajar baharu. Antara alumni UKM yang hadir adalah Encik Mohd Akbal Qamas bin Abdul Basir (FEP 2016), Puan Mahfudzah Binti Mustafha (FEP 2016), Dr. Khor Swee Keng (FPER 2005), Dr. Wazir Aiman (FPER 2018), Dr. Khairul Farhan (FPEND 2011), Dr. Nurul Ajleaa (FPEND 2010), Encik Shafiq Sharif (FPEND 2013), Kapten Nur Hasanah Nadzirah Bt Ambok Delek (FFAR 2015), Encik Cheah Chong Sheng (FFAR 2017), Encik Woon Pak Seong (FSK 1994), Puan Safira Zainal (FSK 1997), Cik Muhsonat Mohamad Zain (FSK 2013,2017) dan Encik Adi Afendi (FUU 1997). Semoga setiap pengalaman dan ilmu yang dikongsi oleh setiap alumni UKM ini dapat memberi semangat kepada pelajar baharu UKM agar menjadi individu yang berjaya pada masa yang akan datang.

SELANJUTNYA ➔



ALUMNIUKMOfficial



@ALUMNIUKMOffcl



www.ukm.my/alumni